



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19/1/2012

## Kemiskinan, ekstremis cabaran utama dunia

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Kemiskinan dan fahaman ekstremisme merupakan dua cabaran utama dalam mewujudkan gelombang kesederhanaan dan keseimbangan di seluruh dunia.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (**gambar**) berkata, kedua-dua faktor itu boleh mendorong kepada meningkatnya aktiviti keganasan.

"Saya percaya kemampuan untuk menolak kemiskinan dan fahaman ekstremisme ini dapat dicapai menerusi pengurusan sesebuah kerajaan yang baik.

"Dalam masa sama, kesederhanaan juga dapat membuka jalan kepada persahabatan, kerjasama, pembangunan dan persefahaman yang dapat membentuk persekitaran yang turut menggalakkan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena Persidangan Gerakan Kesederhanaan Global di sini hari ini.

Menurut Abdullah, dalam Islam juga kesederhanaan bu-

kanlah pendekatan yang Daru, sebaliknya turut disebut di dalam al-Quran supaya dijadikan panduan oleh seluruh umatnya.

Begitupun kata beliau, kesederhanaan itu juga perlu dicapai menerusi ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan serta amalan yang berterusan ke arah mencapai keseimbangan yang sebenar.

"Ini merupakan elemen yang sangat penting kerana kita telah melihat banyak

kejadian yang dikaitkan dengan eskremis dilakukan oleh mereka gagal menyeimbangkan unsur-unsur kesederhanaan dalam kehidupan mereka," katanya.

Beliau berkata, kesederhanaan dan pembangunan sumber manusia perlu bergerak seiring dalam mempromosikan aspek kesamaan dan saling menghormati dalam kalangan anggota masyarakat.

"Kesederhanaan juga memerlukan asas bagi membolehkan ia dipromosikan, sekali gus menentang amalan ekstremis dan bagi saya asas dan garis panduan itu adalah Islam Hadhari," katanya.

